

# Shahrir guna lambang UMNO mahu keliru rakyat — PM

UM 14 AUG 1966

**A**LUR SETAR 13 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, tindakan calon Bebas, Datuk Shahrir Abdul Samad menggunakan lambang UMNO di hari penamaan calon bagi pilihanraya kecil Johor Baharu kelmarin bertujuan untuk mengelirukan rakyat.

“Apa guna lagi mereka memakai lambang UMNO sedangkan dia (Datuk Shahrir) tidak menjadi ahli UMNO,” kata Datuk Sri Dr. Mahathir kepada para pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas di sini, pagi ini.

Menurut Perdana Menteri, UMNO lama sudah tidak wujud lagi dan apa guna mereka yang bertanding atas tiket Bebas memakai lambang UMNO kalau bukan untuk mengelirukan rakyat.

Bagaimanapun Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden Barisan Nasional (BN) yakin bahawa Barisan Nasional boleh menang dalam pilihanraya tersebut pada 25 Ogos ini.

Perdana Menteri tiba di Alur Setar pagi ini dengan pesawat khas kira-kira jam 11 pagi dan kemudian menghadap Sultan Kedah di Istana Anak Bukit.

Ketibaan beliau disambut oleh Menteri Besar, Datuk Sri Haji Osman Aroff serta para anggota Exco kerajaan negeri.

Menjawab soalan para pemberita, Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata, Datuk Shahrir tidak boleh menjalankan tugas secara perseorangan dalam memberikan kemajuan kepada rakyat.

Katanya, rakyat memerlukan sebuah parti yang kuat dan terbesar untuk kepentingan mereka, terutamanya bagi penduduk dalam kawasan Parlimen Johor Baharu.

“Apa yang dia (Datuk Shahrir) boleh buat untuk rakyat sekalipun menang dalam pilihanraya itu,” kata Datuk Sri Dr. Mahathir sambil menaruh keyakinan bahawa BN akan dapat mengekalkan kerusi di kawasan Johor Baharu

Ditanya tentang taktik Datuk Shahrir melibatkan sama bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dan menggunakan gambar-gambar Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail untuk tujuan memancing undi, Datuk Sri Dr. Mahathir menjawab ringkas: “Biarlah, itu cara mereka.”

UMNO Negeri Johor dan penyokongnya semalam dilaporkan kesal dengan tindakan Datuk Shahrir menggunakan lambang UMNO dan melibatkan sama Tunku Abdul Rahman untuk memancing undi rakyat.

Semasa penamaan calon pada 11 Ogos lalu, Datuk Shahrir yang juga bekas Menteri Kebajikan bukan sahaja memakai lambang UMNO tetapi sampin UMNO lama sementara para penyokongnya pula membawa bendera UMNO.

Sementara itu, Menteri Besar Kedah Datuk Sri Haji Osman Aroff juga turut melahirkan keyakinan bahawa Barisan Nasional akan dapat mempertahankan kerusinya di dalam pilihanraya kecil Johor Baharu.

Beliau yang juga pengerusi Barisan Nasional negeri berkata bahawa beliau serta pemimpin UMNO negeri akan turut pergi ke Johor Baharu untuk berkempen.

Pada hari penamaan calon kelmarin, katanya, beliau dan serta rombongan juga turut sama untuk memberikan sokongan kepada calon BN, Haji Mas'ud Abdul Rahman.